

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18/9/2008

Tanda keikhlasan PM – Najib

PUTRAJAYA 17 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melantiknya sebagai Menteri Kewangan menggambarkan keikhlasan Perdana Menteri memilih dirinya sebagai pengganti beliau kelak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu juga menggambarkan keyakinan Abdullah kepadanya.

“Selain berikrar memberi tumpuan sepenuhnya kepada tanggungjawab baru ini, saya akan sentiasa berbincang dan merujuk kepada Perdana Menteri khususnya berkaitan dengan ekonomi, hala tuju dan keutama-

an ekonomi supaya dasar-dasar kerajaan lebih jelas dan tepat,” katanya pada sidang akhbar bersama Abdullah di sini hari ini.

Najib berkata, Abdullah telah membuat keputusan besar dalam penyerahan portfolio Menteri Kewangan yang disandangnya itu.

“Seperti semua sedia maklum jawatan ini bukan sahaja penting tetapi mengikut amalan kerajaan Malaysia, jawatan ini biasa dipegang oleh Perdana Menteri.

“Oleh itu keputusan Perdana Menteri menyerahkan jawatan ini kepada saya merupakan satu keputusan yang amat bermurah hati,” katanya.

Um - 18/9/2008

Seperti semua sedia maklum jawatan ini bukan sahaja penting tetapi mengikut amalan kerajaan Malaysia, jawatan ini biasa dipegang oleh Perdana Menteri.

Mengenai peralihan kuasa, Najib berkata, beliau dan Perdana Menteri telah mencapai persetujuan seperti yang dijelaskan oleh Abdullah.

Sehubungan itu, beliau berharap pelan peralihan kuasa itu dapat diterima oleh parti demi kestabilan negara dan keutuhan parti.

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana Menteri

Ketika ditanya sama ada beliau (Najib) akan menerima sebarang pencalonan untuk jawatan Presiden, Najib berkata:

“Kami telah sama-sama bersetuju dengan perkara itu. Kami serahkannya kepada parti. Kami telah menawarkan diri masing-masing, kami harap parti akan menerimanya.”